



# Pulau Balambangan dan Pulau Labuan

## Pulau Balambangan



Pulau Balambangan ( $7^{\circ} 15'$  Utara dan  $166^{\circ} 55'$  Timur) merupakan sebuah pulau yang terletak di hujung utara negeri Sabah dan terangkum di dalam Bahagian Kudat. Pulau ini terletak kira-kira 3 kilometer di barat Pulau Banggi iaitu pulau yang terbesar di kawasan tersebut, selain Pulau Batak, Pulau Panukaran dan Pulau Bankawan.

Berdasarkan perkembangan sejarah, lokasi dan kedudukan Pulau Balambangan telahpun diketahui oleh pedagang Eropah sejak tahun 1525 apabila Pigafetta meletakkan kedudukan pulau ini di dalam peta yang dilakarkannya. Selain itu, pada tahun 1540 pulau ini dicatatkan dalam peta pedagang Portugis. Dalam peta tersebut, pulau ini dikenali sebagai is Maria. Pada abad ke 16 dan 17 pula, pulau ini dikenali sebagai I de Santa Maria. Nama tersebut tidak lagi digunakan kemudiannya apabila nama Pulau Balambangan menggantikannya sejak pertengahan abad ke 18.

Pulau Balambangan merupakan antara lokasi terawal yang dikuasai oleh British di negara ini amnya dan di Sabah khasnya. Ini berlaku pada tahun 1761, apabila Alexander Dalrymple, iaitu seorang pegawai Syarikat Hindia Timur Inggeris telah berjaya memperolehi persetujuan Sultan Sulu, Sultan Alimuddin I untuk menduduki pulau ini. Namun hanya pada 1 Januari 1763, bendera British dikibarkan di Pulau Balambangan yang menunjukkan kehadiran British di pulau tersebut. Beliau kemudiannya menamakan Pulau Balambangan dan Banggi sebagai Felicia. Walaupun usaha Alexander Dalrymple dilihat memberi kelebihan kepada British, terutamanya dalam perdagangan dengan China, namun tindakannya mendapatkan Pulau Balambangan tidak dipersetujui oleh Kerajaan British di London hingga menyebabkan beliau meletakkan jawatan.

Tempat beliau digantikan oleh Kapten Herbert yang tiba di Balambangan pada tahun 1773 dan menjadikannya sebagai pusat perdagangan Timur Jauh. Kapten Herbert berusaha untuk membangunkan Pulau Balambangan. Beberapa kemudahan dibina termasuklah mendirikan sebuah stesen yang lengkap dengan rumah, pejabat, gu-

dang penyimpanan barangan dan sebuah dermaga. Walau bagaimanapun, petempatan British di Pulau Balambangan sering diserang oleh lanun hingga akhirnya ia terpaksa ditinggalkan terutama serangan yang dilakukan pada tahun 1775. Walau bagaimanapun terdapat pendapat yang mengatakan bahawa serangan tersebut dilakukan oleh orang Sulu yang tidak bersetuju dengan tindakan Sultan Alimuddin I menyerahkan Pulau Balambangan kepada pihak British. Petempatan di Pulau Balambangan di tinggalkan sepenuhnya pada tahun 1805.

Hari ini, Pulau Balambangan merupakan antara pulau yang kurang penduduk dan hanya terdapat beberapa buah perkampungan sahaja seperti Kampung Batu Sirih dan Kampung Selamat. Menurut seorang pakar geologi, Prof. Ibrahim Komoo, Pulau Balambangan merupakan pulau yang kaya dengan sumber hasil terutamanya batu kapur dan pasir silika. Batu kapur sangat penting dalam industri simen sementara pasir silika pula merupakan antara bahan mentah utama dalam industri pembuatan barangan kaca dan seramik.

Selain itu, Pulau Balambangan juga mempunyai nilai warisan geologi (geowarisan) yang sangat tinggi kerana kepelbagaian geologi yang wujud sejak 60 juta tahun yang lalu. Jika dibandingkan dengan Pulau Langkawi yang merupakan kawasan pembentukan bumi tertua di Malaysia iaitu berusia 550 juta tahun, ini bermakna di Pulau Balambangan dikategorikan sebagai kawasan pembentukan bumi termuda di Malaysia. Selain itu, kewujudan gua-gua yang belum di teroka di Pulau Balambangan juga boleh menjadi sumber tarikan kepada pelancong yang gemarkan aktiviti lasak. Dianggarkan terdapat lebih daripada 20 buah gua di Pulau Balambangan yang masih belum terganggu. Antara gua yang penting ialah Gua Batu Sirih yang mempunyai batuan yang bersinar seperti permata kesan daripada proses semulajadi. Kawasan Gua Batu Sirih kini merupakan sebahagian daripada Taman Marine Tun Mustapha yang digazetkan oleh kerajaan Sabah. Keindahan Pulau Balambangan dengan pantai yang cantik dan bersih juga boleh menjadi sumber pendapatan negeri Sabah.

## Rujukan

Siti Aidah Hj Lokin, *Perubahan Sosioekonomi dan Pentadbiran: Masyarakat Peribumi Sabah (1881-1963)*, Kota Kinabalu, Penerbit UMS, 2007.

Baszley Bee B. Basrah Bee, "*Kartografi Pulau Balambangan Antara Abad 16-17 Masehi*", Jebat, No 31, 2004.

Any Farina Manzes, "*Teluk Marudu Berdasarkan Catatan Peta Alexander Dalrymple*", Jurnal Borneo Arkhailogia (Heritage, Archaeology and History), Volume 1, No. 1, 2017

Kamal Roslan Mohamed dan Che Aziz Ali, "*Gua dalam Batu Kapur Balambangan, Pulau Balambangan, Sabah*", Bulletin Geological Society of Malaysia, No. 53, June 2007.

"*Pulau Balambangan, Sabah*" dlm <https://ibrahimkomoo.com>

"*Penemuan Unik, Misteri Gua Batu Sirih*", <https://malaysiaaktif.my>

"*Labuan dijadikan Anggota Negeri-negeri Selat*", <http://www2.arkib.gov.my>

"*Mysterious cave primed by nature*", The New Strait Times, 5th June 2018,

## Pulau Labuan



Pulau Labuan mempunyai keluasan 92 kilometer persegi dan nama Labuan dikatakan berasal daripada perkataan 'labohan' atau pelabuhan. Hal ini tidak menghairankan kerana kedudukan Labuan yang sangat strategik di laluan perkapalan antarabangsa hingga ia turut menjadi pusat kapal berlabuh. Jumpaan arkeologi di Labuan terutama di Pulau Burong menunjukkan bahawa manusia telah menetap di kawasan sekitar pulau ini sejak zaman Neolitik lagi. Peralatan batu zaman neolitik tersebut dipamerkan di Muzium Labuan yang menjadi tarikan pelancong.

Pulau Labuan merupakan pulau kedua di Sabah yang berjaya dikuasai oleh British selepas Pulau Balambangan. Selepas meninggalkan Pulau Balambangan, British tidak lagi mempunyai petempatan di utara Sabah. Keadaan ini menyebabkan usaha dilakukan bagi membolehkan satu petempatan dibuka terutama bagi melicinkan aktiviti perdagangan dengan China. Pada tahun 1844, British telah menjalin hubungan diplomatik dengan Kesultanan Brunei, dan pada tahun 1845, British berjaya mendapatkan Pulau Labuan yang sebelumnya dimiliki oleh kesultanan tersebut. James Brooke telah dilantik sebagai Gabenor Pertama untuk mentadbir Pulau Labuan, namun akhirnya beliau telah dilucutkan dan digantikan oleh pegawai Inggeris yang lain.

Pulau Labuan dijadikan sebagai pusat aktiviti perdagangan dan menentang ancaman lanun di Sabah. Walau bagaimanapun, pada tahun 1890, Pulau Labuan dimasukkan ke dalam pentadbiran Sabah yang ketika itu ditadbir oleh Syarikat Borneo Utara British (SBUB). Pulau Labuan turut dikenali sebagai Pulau Victoria. Salah satu aktiviti penting yang dilakukan di Pulau Labuan adalah melombong arang batu yang dijalankan di Tanjung Kubang, namun sejak 1880-an, aktiviti perlombongan terhenti.

Diantara Gabenor-gabenor Labuan yang terkenal ialah Hugh Clifford yang pernah berkhidmat di Negeri Pahang. Meskipun usaha dilakukan, namun Pulau Labuan tidak banyak memberi keuntungan kepada pihak British. Ia tidak berjaya sebagai pusat perdagangan seperti Pulau Pinang atau Pulau Singapura. Pentadbiran British di Pulau Labuan merugikan. Untuk menampung perbelanjaan Pulau Labuan, maka pada hari ini dalam tahun 1899, Labuan telah dijadikan anggota Negeri-negeri Selat. Dengan ini Pulau Labuan diperairan Pulau Borneo telah disatukan dengan Pulau Pinang, Melaka dan Singapura di Semenanjung Tanah Melayu sebagai Negeri-negeri Selat.

Antara tokoh tempatan yang namanya diabadikan dalam pelbagai premis di Labuan ialah Jumidar Buyong. Beliau

merupakan salah seorang anggota tentera di bawah pasukan tentera British. Beliau dianggap memberi sumbangan besar kepada usaha membebaskan Labuan daripada cengkaman penjajah. Tokoh lain yang tidak kurang pentingnya dalam sejarah Labuan ialah Tunku Syarif Kedah yang kuburnya dianggap sebagai keramat dan dikenali sebagai Keramat Tunku Syarif Kedah.

Pada 1 Februari 1984, Pulau Labuan diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan. Pengisytiharan ini membolehkan Labuan menjadi wilayah kedua di negara ini yang diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan. Perisytiharan dilakukan oleh Perdana Menteri, YAB Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mewakili kerajaan Persekutuan dan YAB Datuk Harris Salleh yang mewakili kerajaan Sabah. Pengisytiharan ini dilakukan bagi membolehkan perbezaan antara kaum, bangsa, agama dan semangat kenegerian antara penduduk di Malaysia dapat dihapuskan. Perkembangan pesat berlaku di Pulau Labuan yang kini bukan sahaja menjadi pusat kewangan penting (pusat kewangan pesisir antarabangsa pada tahun 1990), dan pulau bebas cukai, namun turut menjadi pusat tumpuan pelancongan. Antara pusat tumpuan pelancongan termasuklah Kubur Peringatan Peperangan Labuan. Kubur peringatan peperangan ini merupakan salah satu daripada tiga kubur peringatan peperangan yang terdapat di Sabah yang terletak di Kundasang dan Sandakan. Pusat Menyerah Diri atau Surrender Point atau turut dikenali sebagai Taman Damai (Peace Park) juga merupakan antara lokasi tumpuan pelancong. Ia menjadi tempat dimana Jepun menyerah kalah di hadapan tentera Australia pada masa Perang Dunia Kedua. Muzium Labuan juga merupakan antara pusat tarikan pelancong di Labuan.

## Rujukan

“*Labuan Dijadikan Anggota Neger-negeri Selat*”, dlm. <http://www2.arkib.gov.my>

*Low Kok On, Tradisi lisan keramat Tunku Syarif Kedah di Pulau Labuan*. Penerbit Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Sabah, 2014.

“*Kenali Sejarah Labuan di Muzium*”, Utusan Malaysia, 10 Mac 2016.

“*Labuan Diisytiharkan Sebagai Wilayah Persekutuan*”, <http://hids.arkib.gov.my>

Juwita Kumala Anak Robin and Arnold Puyok, “*Penglibatan Politik Komuniti Peribumi Islam di Labuan Semasa Zaman Penjajahan British, 1946-1963*”, *Journal of Borneo-Kalimantan*, Vol. 2, Issue 2, December 2016.

Khoo Kay Kim (Comp.), *Sabah: History and Society*, Kuala Lumpur: Malaysian Historical Society, 1981.

Danny Wong Tze-Ken, *Community and Society*, Kota Kinabalu: Natural History Publications, 2004.

Chai Foh Chin, *Early Picture Postcards of North Borneo and Labuan*, Kota Kinabalu: Opus Publications, 2007.

Siti Aidah Hj Lokin, *Perubahan Socioekonomi dan Pentadbiran Masyarakat Peribumi Sabah, 1881-1963*, Kota Kinabalu: UMS Press, 2007.